

# Sikap individu penentu survival bahasa ibunda, kata James

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR  
dan SARINA SANSAN

utusanborneokk@gmail.com

45 15/12/2011 45

KOTA KINABALU: Sikap individu di negara ini yang malu untuk menuturkan bahasa ibunda sendiri menjadi salah satu ancaman utama kepada kelangsungan bahasa etnik atau daerah yang djuga disebut sebagai dialek.

Menurut Pengkaji Bahasa Melayu, Prof James T Collins, terdapat segelintir individu dalam masyarakat yang berasa malu untuk menggunakan bahasa ibunda mereka dalam kehidupan seharian.

Malah, keadaan diburukkan

lagi dengan tindakan mereka yang mengutamakan bahasa asing berbanding bahasa ibunda mereka sendiri.

“Kadangkala mereka tidak mengaku yang mereka boleh bertutur dalam bahasa etnik atau dialek kerana malu dilihat sebagai ketinggalan zaman. Kerana itu wujudnya kelompok masyarakat yang bahasa Inggeris mereka lebih lancar daripada bahasa ibunda.

“Ada juga ibu bapa yang tidak mendidik atau membiasakan anak-anak mereka dengan bahasa ibunda sehingga mereka membesar tanpa boleh bertutur bahasa ibunda. Kononnya, mereka

mahu anak mereka dapat menguasai bahasa lain yang diangkat sebagai lebih penting dan berprestij,” katanya.

Beliau yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan Asia Tenggara, Northern Illinois University Amerika Syarikat berkata demikian kepada media selepas menyampaikan ceramah Penyelidikan Bahasa Berdasarkan Sejarah, Geografi dan Komunikasi di Universiti Malaysia Sabah (UMS), kelmarin.

James berkata, dengan mengambilkira faktor pendidikan, terdapat ibu bapa yang mementingkan penguasaan bahasa tertentu yang dianggap berprestij bagi

memastikan anak mereka dapat terus bersaing.

“Misalnya, terdapat masyarakat kampung yang mengutamakan bahasa yang dianggap ‘bandar’ atau masyarakat Melayu yang lebih mengutamakan Inggeris atau masyarakat Cina yang lebih mengutamakan Mandarin berbanding Kantonis atau Hakka... inilah antara ancaman kepada bahasa ibunda.

“Bagi mengubah keadaan ini, tidak perlu melihat kepada aspek lain melainkan diri individu itu sendiri. Untuk mengubah keadaan ini memerlukan mereka mengubah sikap mereka,” katanya.

Beliau berkata, sebagai ‘orang luar’, kerajaan, institusi keagamaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak-pihak berkaitan terpaksa berhadapan usaha yang terbatas kerana isu itu melibatkan kesedaran individu itu sendiri.

“B a g a i m a n a p u n , satu pendekatan untuk meyakinkan setiap individu bahawa bahasa etnik atau dialek itu mempunyai keunikandan harus dipelihara, perlu diambil.

“Usaha yang sama perlu diambil untuk memelihara amalan dan tradisi mereka. Mereka harus ada keyakinan



**TERMETERAI...Dekan Sekolah Sains Sosial, Prof Madya Haji Inon Shaharuddin Abdul Rahman dan James berjabat tangan selepas menandatangani Surat Hasrat kerjasama antara Universiti Malaysia Sabah dan Northern Illinois University dalam bidang pendidikan dan pembangunan sumber manusia.**